



SAHARIM ABIDIN / BERITA HARIAN

MUHYIDDIN diiringi Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak pada majlis perasmian Sambutan Ulang Tahun Hari Pengasasan UUM ke- 27, di Sintok semalam.

# UPM, pemimpin pelajar kena bincang secara baik

## TPM mahu isu pemilihan diselesaikan segera elak krasis berlarutan

Oleh Azmi Md Deros dan Siti Fatimah Mohamed Anwar  
bhnews@bharian.com.my

**C**HANGLUN: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pimpinan pelajarnya berbincang bagi menyelesaikan kekecoh yang tercetus ketika bantahan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penyelesaian perlu dicari segera bagi mengelak rasa tidak puas hati antara pelajar dengan pentadbiran universiti berlarutan, sedangkan pemilihan MPP adalah proses demokrasi yang diadakan setiap tahun.

“Saya harap pentadbiran universiti dan mahasiswa sama-sama mewujudkan hubungan rapat dan baik supaya masalah seumpama itu tidak berulang. Pemilihan kampus adalah untuk memberi peluang dan ruang bagi memilih pemimpin mereka yang bo-

leh membantu urusan pengajian dan kebajikan pelajar.

“Pada peringkat universiti, ada aturan kempen dan proses pemilihan dan kalau itu dipatuhi saya tak fikir akan tercetus masalah seperti apa yang berlaku di UPM.

“Itu yang kita nak elakkan... ia akan beri gambaran tak baik kalau ada peristiwa sebegini. Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar boleh berbincang dengan pimpinan pelajar dan selesaikan masalah itu secara baik,” katanya selepas merasmikan Program Matrikulasi Bersama Masyarakat Peringkat Kebangsaan

**“Pada peringkat universiti, ada aturan kempen dan proses pemilihan dan kalau itu dipatuhi saya tak fikir tercetus masalah”**

**Muhyiddin Yassin**  
Timbalan Perdana Menteri

di Kolej Matrikulasi Kedah di sini, semalam.

Beliau mengulas kekecoh yang berlaku ketika bantahan keputusan pemilihan MPP sesi 2010/2011 UPM, kelmarin yang menyebabkan tiga pelajar dan tiga kakitangan keselamatan universiti itu cedera.

Dalam kejadian itu, lebih 60 pelajar Pro-Mahasiswa dilaporkan merempuh pintu kaca di bangunan pentadbiran universiti hingga pecah.

Muhyiddin berkata, masalah itu tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana boleh meningkatkan perasaan kurang senang antara pelajar dengan pentadbiran universiti.

“Jangan dia boleh timbulkan perasaan kurang senang hati dan akhirnya keadaan tidak stabil di kampus... ini kita nak elakkan jadi saya seru kedua-dua pihak kalau ada perbincangan dibuat atas dasar musyawarah untuk kebaikan bersama,” katanya.

Ditanya mengenai tindakan yang mungkin diambil

terhadap pelajar terbabit, beliau menyerahkan perkara itu kepada pengurusan UPM.

Mengenai dakwaan ada pihak luar yang menjadi dalang di sebalik kekecoh itu, Muhyiddin berkata, pelajar universiti sentiasa terdedah kepada pandangan pelbagai pihak, sama ada yang baik atau yang buruk tetapi ia tidak sepatutnya menyebabkan timbulnya situasi tidak tenteram.

Dalam pada itu, Muhyiddin menolak pandangan pergilakan politik yang berlaku di Asia Barat akan berlaku di Malaysia selain menyifatkan其nya sebagai satu andaian yang tidak berpijak di bumi nyata dan tidak bersandar pada dalil kukuh.

“Saya sedih dengan andaian itu, politik di Malaysia sama sekali berbeza dengan Asia Barat kerana kerajaan hari ini adalah kerajaan dipilih rakyat dalam suasana pilihan raya demokratik dan kompetitif,” katanya.